

Kedudukan Keluarga

Sebelum penulis bawakan pembaca sekalian dengan keluarga, lebih dahulu dibuat pertanyaan, di dalam bahagian apakah terletakanya keluarga itu? Apakah sebabnya ulama ahli jiwa mengambil berat dan membahasnya dengan berbagai-bagai jalan agar satu-satu keluarga itu sentiasa didampingi dengan kebahagiaan dan dijauhi oleh segala huru-hara yang merosakkan dan merobohkan cita-cita yang asli iaitu hidup di dalam mewah, rukun dan damai.

(Oleh: Hasbullah Abdul Razak)

Sebenarnya keluarga adalah sebahagian dari masyarakat, dengan diatur berbagai-bagai peraturan dan diambil perhatian tentang peraturan kehidupan satu-satu keluarga, dengan itu akan memberi kesan yang besar dan dapat memperbaiki pergaulan masyarakat. Kita memang selalu mengatakan keluarga si fulan itu dan ini, tetapi apakah yang dikehendaki dengan keluarga itu?

Keluarga pada kebiasaannya adalah terkandung dari ibu bapa dan seorang anak atau lebih, atau kerabat yang sentiasa di dalam perhubungan yang rapat di antara satu sama lain, sehingga dapat tinggal di dalam tempat yang satu, saling mengerti di antara mengerti di antara mereka sekalian dan menimbulkan pula roh pergaulan, perkongsian dan persaudaraan di setiap waktu. Bukan setakat itu sahaja yang dikatakan keluarga, tetapi keluarga akan bertambah luas lingkungannya, manakala didapati keluarga itu bertambah bilangannya kepada cucu dan cicit dan berambil-ambilan di antara satu keluarga dengan keluarga yang lain.

Kini marilah kita meninjau pula kepada bentuk satu-satu keluarga di sana bermacam-macam corak di satu-satu

keluarga itu, kadang-kadang didapati keluarga itu terkandung dari suami isteri sahaja tidak mempunyai anak, dan yang satu lagi didapati hilang salah seorang dari anggota keluarganya, dan yang lain pula berlaku satu peristiwa sehingga terputus tali perhubungan di antara keduanya dengan menggunakan kata yang terakhir iaitu (talak), ini biasanya berlaku dari perbezaan yang bermacam-macam umpamanya: tidak sama umur, juga suami berbilang-bilang isteri, atau pun dari sebab tidak mendapat anak lelaki seorang jua pun. Kesemuanya ini jika renungkan kembali kepada asalnya, tidaklah keluar dari bahasnya kita yaitu dikatakan keluarga belaka.

Kesan keluarga dalam masyarakat

Dengan dijudnya¹ satu-satu keluarga itu adalah merupakan satu peraturan kehidupan di dalam masyarakat, sebab itu tidaklah menjadi hairan, bahawa kehidupan satu-satu keluarga dan peraturannya terhenti di atas runtuhannya di segi tarikh dan geografinya dalam masyarakat yang terjadi tadi.

¹ Perkataan sebenarnya ialah diwujudkan.

Sebagai menguatkan lagi perkataan di atas tadi, bahawa ulama (antropologi) telah mengkajikan dengan sehalus-halusnya, tiap-tiap satu bangsa mempunyai perbezaan dengan bangsa yang lain, seterusnya adat dan peraturan pergaulannya, sanperti² perhubungan di antara suami isteri buat mendapatkan kebahagiaan disetiap hari, dan cara membentuk kecergasan keluarganya dan memelihara kesihatan anak-anaknya, seterusnya mentadbirkan ekonomi di dalam keluarganya.

Dengan itu teranglah kita dapati bahawa keluarga kita di Tanah Melayu dengan adat istiadat dan kebudayaannya berlainan sekali jika dibandingkan dengan keluarga Barat dan keluarga di Barat pula lain dengan di Amerika, Perancis dan Jerman seterusnya dengan keluarga-keluarga di negeri-negeri lain.

Berlainan suasana kehidupan keluarga:

Seorang penyelidik yang terkenal di dalam ilmu jenis iaitu (Margaret Mead) telah membantingkan tenaganya buat membandingkan tiga bangsa yang berlainan suasana kehidupan mereka, sebagaimana yang tersebut dalam kitab ((*Hayātuka*)) karangan Dr Muhammad Khalifah berkata: Buat mendapat keterangan yang lebih jelas, marilah kita bersama-sama memerhati tiga bangsa tadi di bawah ini:-

- (1) Adibish³, satu bangsa yang mana kehidupan mereka sentiasa di dalam ketenangan, suka duduk di dalam keamanan, sedikit-sedikit benar berlaku pergaduhan di antara mereka jika dibandingkan dengan bangsa yang lain – lelaki perempuan – mempunyai taraf yang satu sama tinggi dan rendah, bersama-sama menanggung sebarang kewajipan

senang dan payah. Apakah sebab keadaan mereka begitu? Tidak lain ialah dengan sebab kehidupan mereka dari lahir ke dunia lagi sehingga rumaja⁴, sentiasa hidup di kemuncak gunung-ganang, diselubungi dengan pohon-pohon kayu dan di samping ditiup angin sepoi-sepoi bahasa, juga pekerjaan mereka hanya bercucuk tanam, dan menternak binatang. Dengan keadaan yang tersebut memang tidak syak lagi manakala lahir sahaja kanak-kanak ke dunia, tentulah mereka terdidik dan terasuh dengan perangainya yang lemah-lembut dan suka mendapat kehidupan yang tenang selama-lamanya.

- (2) Mundugumor⁵: Bangsa ini sentiasa kehidupan mereka di dalam hutan rimba dengan bercampur dan berkawan dengan binatang-binatang buas dan ganas, pekerjaan mereka sibuk memburu binatang-binatang ganas tadi dan memotong pohon-pohon kayu yang besar dan memikulnya ke sana ke mari, kedudukan mereka yang sebegini rupa tentu sekali penuh dengan ketakutan dari serangan musuh-musuh dan sentiasa berfikir cara manakah yang akan dilakukan jika datang serangan mengejut dari musuh sama ada dari binatang atau manusia.

Dek jahil dari erti kata keselamatan dan kebahagiaan, bukan setakat itu sahaja malahan mereka sentiasa berseteru di antara satu sama lain, dan dengan senang sahaja timbul perbincangan hebat di antara kaum lelaki dengan kaum ibu, masing-masing mengaku adalah dirinya yang lebih berhak dan tinggi taraf


² Perkataan sebenarnya ialah seperti.

³ Merujuk kepada puak Arapesh. Kajian mengenai ketiga-tiga puak ini (Arapesh, Mundugumor & Tchambuli) oleh telah dibukukan oleh beliau (Margaret Mead) dengan tajuk "Sex and Temperament in Three Primitive Societies" (1935).

⁴ Ejaan sebenarnya ialah remaja

⁵ en.m.wikipedia.org/wiki/Mundugumor_people

di antara yang lain, di sini teranglah kaum wanita bangsa ini adalah bersifat dengan perangai keras bengis dan kasar sebagaimana perangai lelaki juga. Dengan suasana yang tersebut menyebabkan anak-anak mereka mempunyai perangai yang kasar dan buruk kerana ketika lahirnya lagi dapat dipandang bahawa tidak ada yang menjadi perhitungan



Negeri Iraq kaya dengan minyaknya dikira sebagai negeri minyak yang kedelapan dalam dunia memiliki minyak yang ditaksirkan sebanyak 25 ratus tuja¹ tong sumber kekayaan minyaknya terdapat di daerah Kirkuk sebuah bandar di utara Iraq berdekatan dengan sempadan Iran dengan Turki yang dialirkan oleh dua saluran minyak berukuran garisan menempahnya 12 inci sepanjang 550 batu – satu aliran dialirkan ke Tarablus (Lubnan) dan satu lagi ke Haifa (Palestin) gambar di atas menunjukkan salah satu lombong minyak Kirkuk di mana mula-mula diketahui adanya minyak di sana pada tahun 1927.

hanya menggunakan kekerasan dan pembunuhan sahaja.

- (3) Tchambuli²: ialah satu bangsa yang suka duduk di pantai dan pekerjaannya menangkap ikan dan mengambil benda-benda di laut, tetapi didapati kaum ketiga ini jauh sekali perbezaannya dari bangsa yang pertama dan yang kedua, kerana kaum wanita Tchambuli adalah menanggung kewajiban yang berat, seperti menangkap ikan dan membuat jaring dan jala, di samping memelihara dan mendidik anaknya. Ada pun kaum lelaki tidak menanggung sebarang tanggungan, pekerjaan mereka selain dari berjalan dan bersuka-suka ke sana ke mari, menari dan menyanyi sementara menghabiskan hari dan malamnya. Berertilah kaum ibu mereka mengganti pekerjaan kaum lelaki jikalau dibandingkan dengan bangsa yang lain, dan taraf kedudukan kaum ibu lebih tinggi dan berhak pada segala-galanya.

Keluarga di dalam Islam

Keluarga di dalam Islam berlainan sekali dari keluarga-keluarga yang telah disebutkan tadi; kerana kaum lelaki diwajibkan menanggung segala bebanan, sama dengan tanggungan si isteri dan anaknya dan berusaha buat membaiki ekonomi agar semua keluarganya di dalam kebahagiaan.

Kalaulah kita renungkan dengan perhatian dan fikiran apakah sebabnya yang menjadikan kaum lelaki menanggung sebegitu berat bebanan?

Marilah kita bersama-sama kembali kepada ke zahir Islam, di manakah tempatnya dan apakah rupa kehidupan

¹ Ejaan sebenarnya ialah juta

² Sekarang dieja sebagai Chambri. en.m.wikipedia.org/wiki/Chambri

kaum-kaum ketika itu Islam telah lahir ke dunia di beberapa abad yang lampau di padang pasir kontang di mana kaum-kaum Arab ketika itu sentiasa berusaha, bercucuk tanam dan memelihara binatang ternakan dengan pekerjaan yang berat ini, dari sini memang tepat di sisi ahli fikiran bahawa kaum lelaki yang menanggung segala urusan ini dan mencari segala nafkah buat memenuhi apa yang dikehendaki oleh keluarganya itu. Islam juga mengharuskan supaya dapat membanyakkan keturunan di dalam satu keluarga supaya dapat membangunkan satu kumpulan yang kuat dan dapat memenuhi pekerjaan seperti bercucuk tanam dan sebagainya, di samping itu dapat pula mengadakan satu kumpulan pertahanan untuk menjaga ibu pertiwinya dari serangan musuh-musuh, bahkan bukan itu sahaja yang dikehendaki, malahan dapat mengadakan satu angkatan yang betul-betul berjiwa ke-Islaman yang sanggup memperjuangkan agama, bangsa dan tanah airnya. Dengan keadaan yang tersebut Tuhan melarang keras seseorang itu membunuh anaknya kerana takutkan papa dan miskin di dalam keluarganya. Firman Allah yang berbunyi: “Janganlah kamu bunuh anak-anak kamu kerana takutkan fakir, kami sentiasa memberi rezeki mereka dan kamu sekalian.”

Membina satu-satu keluarga yang penuh dengan udara yang tenteram adalah satu perkara yang penting di sisi Islam, kerana menjaga haru-haratu¹ di dalam pergaulan setiap hari dan kebahagiaan suami isteri, sebab itu sebelum dari tali perikatan dikukuhkan terlebih dahulu Islam telah memberi ingatan, jangan terburu-buru mencari teman hidup semati, seyogianya ditapis dan dipilih, apakah corak perangai yang akan menjadi perhiasan teman sehidup semati tadi.

Cuba kita kupaskan dan perhatikan apakah tujuan hadith Nabi (S.A.W) yang berbunyi: “Pilihlah titikan kami, bahawasanya urat itu berpanjangan”. Islam juga telah menetapkan setakat mana batas pergaulan yang harus di antara lelaki dengan perempuan – tidaklah seperti bangsa Barat yang membolehkan pergaulan dengan melebihi batasan. Kerana anak-anak gadis suntingnya dibenarkan bercampur gaul dengan pemuda dengan bebas, ke sana ke mari dengan tidak diketahui oleh ayah ibunya, kononnya pada pergaulan ini akan menghilangkan syahwat.

BUKU2 RUMI:

(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)			
(Abdul Rahman H. Said)			1.50
2. Tunas Baru I	1.00
(Abdul Rahman M. Said)			1.50
3. Tunas Baru II, III dan IV			
4. Senang Bacha I dan II			
(Hasan Basri)	satu		80

(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A.H. Edrus)			.30
6. Peristiwa Hari Sabtu30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut			.30
8. Lutong Sakti I35
9. Lutong Sakti II35
10. Karun Dengan Harta-nya			.35
11. Pekebun Yang Tama'35
12. Lembu Chantek35
13. Kisah Minagkabau40
14. Sutan Balun40
15. Puteri Balqis45
16. Penduduk Gua50
17. Sebab Harimau50
18. Cherita Burong Hantu75
19. Nakhoda Dengan Datok Perpateh			.30
20. Si-Buta30

QALAM

356 & 358, Geylang Road,
Singapore 14.

¹ Ejaan sebenarnya ialah huru-hara

dan keinginan – mengikut zaman tamadun ini. Tetapi alangkah eloknya berapakah banyaknya tiap-tiap tahun kanak-kanak yang dilahirkan dengan tidak mempunyai bapa? Yang lebih aneh lagi anak-anak yang didapati itu berlainan sekali rupanya dengan warna kulit ibunya itu, tetapi perkara ini di dalam pandangan mereka orang-orang Barat adalah perkara biasa sahaja, sedangkan anak yang tak mempunyai taraf yang sama dengan kanak-kanak yang berbapa, tentang gadis pula biar pun sudah hilang kemuliaan masih juga dipandang tinggi dan dapat dijadikan giliran dan isteri pemuda lain.

Jadi ini adalah berlainan sekali dengan agama Islam kita yang suci, kerana hukum rejam dengan batu seseorang yang berzina kerana untuk menjaga keselamatan masyarakat dan pergaulan, juga memelihara keturunan² yang baik turun-temurun kepada cucu cicitnya, kerana anak-anak zina adalah tidak diakui sebagai anak yang rasmi dari nikah yang halal. Ada pun gadis yang sudah hilang kemuliaan kerana sudah diperkosa oleh si lelaki tadi jika diketahui dengan empat orang saksi maka dihukumkan rejam dengan batu sebagaimana yang tersebut di dalam³ kitab fiqh, manakala pandangan kaum masyarakatnya pula bahawa gadis itu sudah mencemarkan kesopannya dan dipandang sekotor-kotor gadis, yang tanpa mempunyai harga lagi dengan lain-lain perkataan yang lebih terang adalah dipandang dan dianggap gadis sundal dan kutu masyarakat.

Islam juga telah mengatur cara-cara perkongsian hidup di antara suami isteri dan cara-cara

mentadbirkan ekonominya, dengan mewajibkan si suami seorang sahaja yang menanggung nafkah kehidupan keluarga setiap hari. Ini adalah melihatkan perbezaan di antara dua jenis – lelaki perempuan – kerana kedapatan dari perempuan tidak tahan menanggung segala kesusahan lebih-lebih lagi menentang peristiwa yang mengejut dan perangnya mudah menjadi bosan, betapa pula hendak menanggung ke semua keluarga dan menjalankan ekonomi di samping ke semua perkara tersebut akan menjadi gagal dan sentiasa di dalam kesusahan.

Ada pun kaum lelaki tabiatnya adalah jauh berlaianan dari kaum perempuan, kerana tabiatnya adalah penyabar dan lambat mengambil perasaan dan tahan menentang segala peristiwa, lebih-lebih lagi peristiwa yang selalu berlaku di dalam lingkungan keluarga.

Kaum lelaki dan fikirannya, dan tubuhnya yang berlainan dari perempuan, khasnya di segi riang dan kekuatan memang sudah tentu sekali sanggup berjuang dengan membantingkan segala tenaganya buat menambahkan ekonominya dan kebahagiaan rumah tangga dan isi keluarganya itu.

Cukuplah setakat ini dahulu dan di sana banyak lagi peraturan keluarga di dalam syariat Islam, setengahnya seperti mengatur cara perkahwinan, talak, cerai dan mendidik kanak-kanak dan sebagainya.

(Disalin dari majalah “Badan Bahasa dan Pusataka” Persekutuan Melayu Mesir, bilangan 3 keluaran bulan Disember 1962.)

² Perkataan sebenarnya ialah keturunan.

³ Ejaan sebenarnya ialah dalam